

08 JAN 2001

Mahfuz-Debat

PEMUDA PAS MAHU DEBAT DITERUSKAN

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Walaupun ada cadangan supaya ia dibatalkan, Ketua Pemuda Pas Mahfuz Omar masih mahu meneruskan debat mengenai hak dan keistimewaan orang Melayu antara beliau dan Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein.

"Saya kira debat ini satu langkah yang sangat wajar dan bijak untuk menterjemahkan idealisme golongan muda yang saya dan Hishammuddin menjadi pemimpin, khususnya di kalangan pemuda Melayu Islam," katanya pada sidang media di ibu pejabat Pemuda Pas di Taman Melewar di sini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengarahkan Hishammuddin membatalkan cadangan debat berkenaan dengan alasan ia tidak wajar kerana Umno sedang dalam proses mengadakan pertemuan dengan Pas dan Keadilan berhubung usaha mengukuhkan perpaduan Melayu.

Mahfuz berkata debat itu harus diteruskan kerana ia telah direstui oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad manakala pergerakan Pemuda Umno dan Pas pula sudah mencapai kata sepakat dalam soal pemilihan moderator dan format debat.

"Tadi saya telah menghubungi Datuk Fadzil Noor (Presiden Pas) dan pendapat saya telah dikongsi bersama oleh Datuk Fadzil (supaya debat diteruskan), malah beliau menyatakan bahawa debat ini tidak menghalang cadangan pertemuan pemimpin tiga parti itu," katanya.

Mahfuz berkata beliau telah menghantar sepucuk surat menerusi faksimili hari ini kepada Hishammuddin dan salinannya kepada Prof Diraja Ungku Aziz selaku moderator, bagi mencadangkan lima tarikh untuk debat itu iaitu pada 20 Jan, 3, 11, 17 atau 24 Feb.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin pula berkata hak dan keistimewaan Melayu yang termaktub dalam perlembagaan negara dan diterima oleh semua kaum tidak wajar diperbahaskan termasuk antara sesama tokoh Melayu.

Muhyiddin yang merupakan antara pemimpin menentang debat itu sejak awal menyifatkan arahan membatalkan debat itu sangat bertepatan dalam usaha mewujudkan suasana harmoni menjelang pertemuan antara pemimpin Umno, Pas dan Keadilan.

Katanya, setelah isu tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu) agar hak dan keistimewaan Melayu selesai, orang Melayu tidak perlu lagi berbahas sesama sendiri berkaitan hak dan keistimewaan mereka.

Pertubuhan Alumni Kelab-kelab Umno Luar Negara dalam kenyataannya hari ini juga meminta agar debat itu dibatalkan kerana ia tidak akan mendatangkan sebarang manfaat ke arah menyatukan orang Melayu sebaliknya badan itu lebih yakin kepada hasil yang akan dicapai pada muzakarah antara ketua-ketua tiga parti Melayu itu nanti.

Pengerusi pertubuhan itu Datuk Noh Omar, yang juga Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, berkata bahawa yang penting ialah bukan siapa lebih juara mempertahankan hak dan keistimewaan orang Melayu tetapi penyatuan orang Melayu sendiri.

-- BERNAMA

RZS NY ZS MAI